

26 JUN 1999

Nik Aziz-Umno

PAS DAN UMNO TIDAK BANYAK BEZA, KATA NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 26 Jun (Bernama) -- Mursyid Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini mengakui bahawa dasar perjuangan Pas dan Umno tidak mempunyai banyak perbezaan.

Beliau berkata antara Pas dan Umno hanya terdapat satu perbezaan utama iaitu membabitkan usaha memartabatkan Islam dan sekiranya masalah itu dapat diatasi tidak mustahil kedua-dua parti itu dapat bersama dan berbaik-baik.

"Bila satu (Islam) itu betul dan diterima, segala-galanya comel (cantik) semua," katanya ketika ditemui pemberita selepas melancarkan Kempen Amalan Menutup Aurat Wanita di sini.

Oleh itu, Umno tidak perlu menggariskan pelbagai perbezaan antara parti itu dengan Pas, katanya sambil merujuk kepada ucapan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini.

Ketika menggulung perbahasan pada perhimpunan agung itu, Dr Mahathir berkata terdapat 19 perkara yang membezakan perjuangan Umno dan Pas, antaranya Umno menganjurkan perpaduan, menegakkan keadilan, menuntut kemerdekaan dan menganggap semua Melayu adalah Islam.

Nik Aziz berkata perbezaan utama antara Pas dan Umno melibatkan Islam kerana Pas memperjuangkan Islam manakala Umno memperjuangkan sekularisme.

Ketika ditanya mengenai cadangan kerajaan untuk menggubal peraturan berhubung etika pakaian seragam kakitangan hospital terutama jururawat, beliau berkata langkah itu perlu diberi sokongan kerana ia cuba mendaulkan kehendak ajaran Islam.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam semalam berkata proses penggubalan itu turut mengambil kira pandangan semua kakitangan kementerian itu membabitkan penggunaan pakaian berlengan panjang dan kebenaran memakai tudung.

Bagaimanapun Nik Aziz tidak bersetuju untuk mewajibkan pelancong asing berpakaian menutup arurat kerana tindakan itu mengganggu kebebasan pelancong.

-- BERNAMA

MNR AKD